

# 关于完善学生交融 团结计划的一般指南 (中巫)

2004.1.15

BAHAGIAN SEKOLAH  
JABATAN SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
ARAS 5, BLOK J (SELATAN)  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
50604 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.

Tel : 03-20986900  
Fax : 03-20962389  
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

KP(BS)8543/041/Jld.III(27)  
15 Januari 2004

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan,

## PEMANTAPAN RANCANGAN INTEGRASI MURID UNTUK PERPADUAN DI SEKOLAH-SEKOLAH


Salah satu matlamat pendidikan negara ialah perpaduan kaum. Sekolah adalah merupakan salah satu agen yang berkesan ke arah menyatupadukan murid-murid dari pelbagai kaum yang terdapat di negara ini. Sekolah juga boleh memainkan peranan yang lebih berkesan jika kegiatan-kegiatan khas yang bermatlamatkan integrasi dan perpaduan diatur secara sedar dan terancang dengan penglibatan dari ketiga-tiga jenis sekolah iaitu SK, SJKC) dan SJK(T) yang berhampiran atau di dalam sekolah-sekolah menengah yang muridnya terdiri dari pelbagai kaum. Langkah ini akan mewujudkan peluang kepada murid-murid pelbagai kaum berinteraksi secara langsung yang akan membawa kepada pemupukan perpaduan antara mereka.

2. Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa usaha yang lebih gigih hendaklah dijana semula ke arah merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan rakyat Malaysia hidup bersatupadu dan harmoni. Sehubungan dengan ini, kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan adalah diminta untuk mengemaskinikan infrastruktur serta jentera integrasi kaum yang ada di peringkat negeri, daerah dan sekolah. Sila rujuk kepada Lampiran A bagi "Panduan Umum Pemantapan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan".

3. Sila maklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

  
SALLEH BIN MOHD. HUSEIN  
Pengarah Bahagian Sekolah  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## PANDUAN UMUM PEMANTAPAN RANCANGAN INTEGRASI MURID UNTUK PERPADUAN

### 1. Konsep

Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan ini menggalakkan penglibatan dan kerjasama murid-murid melalui:

- 1.1 Penggabungan aktiviti ketiga-tiga jenis sekolah rendah, SK, SJK(C) dan SJK(T) berhampiran di dalam
  - Kegiatan-kegiatan khas;
  - Penggunaan bersama kemudahan dan peralatan sekolah;
  - Perkongsian dan pengemblengan tenaga, pengalaman dan kepakaran yang ada.
- 1.2 Penggabungan antara sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah jenis kebangsaan dalam
  - Kegiatan-Kegiatan Khas;
  - Penggunaan bersama kemudahan dan peralatan sekolah;
  - Perkongsian dan pengemblengan tenaga, pengalaman dan kepakaran yang ada.
- 1.3 Antara murid sekolah rendah atau menengah dalam sekolah yang sama dimana tidak terdapat sekolah rendah atau menengah dari aliran lain yang berhampiran.

### 2. Objektif Rancangan

Objektif rancangan ini adalah untuk menggalakkan:

- 2.1 Penyertaan murid-murid dan guru-guru dari sekolah-sekolah berkenaan di dalam Kegiatan-Kegiatan Khas secara bersama;
- 2.2 Pergaulan, kesefahaman bekerjasama, tolong-menolong muhibah dan toleransi di antara murid-murid dari ketiga-tiga jenis sekolah yang berkenaan secara sedar dan terancang.
- 2.3 Penggunaan kemudahan dan peralatan ketiga-tiga jenis sekolah yang berkenaan secara bersama untuk menjalankan Kegiatan-Kegiatan Khas tersebut.

### 3. Penubuhan Jawatankuasa

Adalah dicadangkan supaya jawatankuasa-jawatankuasa berikut ditubuhkan.

- 2.1 Jawatankuasa Integrasi Murid Untuk Perpaduan Peringkat Negeri.

*Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh Pengarah Pendidikan Negeri dan antara fungsinya ialah merancang dan memantau pelaksanaan aktiviti dan program integrasi di peringkat negeri, daerah dan sekolah.*

- 2.2 Jawatankuasa Integrasi Murid Untuk Perpaduan Peringkat Daerah.

*Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh Pegawai Pendidikan Daerah berkenaan dan antara fungsinya ialah merancang dan memantau pelaksanaan aktiviti dan program integrasi di peringkat daerah dan sekolah.*

- 2.3 Jawatankuasa Integrasi Murid Untuk Perpaduan Peringkat Sekolah.

*Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh Guru Besar/Pengetua dan antara fungsinya ialah merancang dan memantau pelaksanaan aktiviti dan program integrasi di peringkat sekolah-sekolah yang terbabit.*

### 4. Kuasa dan Sekatan

- 4.1 Kegiatan-Kegiatan Jawatankuasa Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan hendaklah diarahkan kesemuanya kepada matlamat dan Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan.

- 4.2 Jawatankuasa Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan tidak boleh terlibat dalam apa jua bentuk pun dalam aspek agama, akademik, bahasa pengantar, kurikulum dan pentadbiran sekolah-sekolah yang menyertai Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan.
- 4.3 Segala keputusan mengenai penggabungan Kegiatan-Kegiatan Khas, penggunaan bersama kemudahan dan peralatan sekolah, perkongsian dan penggabungan tenaga, pengalaman dan kepakaran yang ada, hanya boleh diambil sesudah tercapainya persetujuan sebulat suara oleh ketiga-tiga jenis sekolah mengikut semangat muafakat dan prinsip sekarela tanpa menjejaskan kuasa pentadbiran mana-mana sekolah.
- 4.4 Dalam semua Kegiatan-Kegiatan Khas untuk mencapai matlamat Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan, semangat bekerjasama, muhibah, bertoleransi, bertolak ansur dan berkesefahaman hendaklah menjadi teras utama kepada pelaksanaan rancangan ini.

## 5. Kegiatan Khas

Kegiatan-Kegiatan Khas yang disenaraikan di bawah ini adalah dicadangkan untuk dipertimbangkan pelaksanaannya sebagai Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan iaitu:

- 5.1 Sukan yang melibatkan penyertaan ramai seperti: merentas desa, Lumba Jalan Kaki, Bolasepak, Bola Jaring, Bola Keranjang dan sebagainya.
- 5.2 Sukaneka.
- 5.3 Perkhemahan (Badan-badan beruniform, kelab dan persatuan).
- 5.4 Kegiatan-Kegiatan Khas bercorak khimat masyarakat seperti gotong-royong membersihkan dan mengindahkan kawasan sekolah.

## 6. Penyeliaan dan Pemantauan

- 6.1 Seorang Pegawai Meja hendaklah dilantik bagi menyelaraskan penyeliaan dan pemantauan rancangan ini.
- 6.2 Jawatankuasa Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan di setiap peringkat hendaklah membuat penyeliaan dan pemerhatian terhadap Kegiatan-Kegiatan Khas Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan yang telah dipersetujui dan dijalankan dari masa ke masa.
- 6.3 Jawatankuasa peringkat negeri hendaklah menyediakan format khas untuk digunakan semasa pemantauan dijalankan.

## 7. Jadual Pelaksanaan

BIL	PROSES KERJA	TINDAKAN	TARIKH
1	Memberi penerangan/taklimat kepada pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri mengenai konsep dan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan.	Unit Hal Ehwal Pelajar, Bahagian sekolah.	28 dan 29 Januari 2004
2	Memberi penerangan/taklimat kepada pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar mengenai konsep dan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan.	Jabatan Pendidikan Negeri	Februari 2004
3	Menerima Garis Panduan Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan selepas berbengkel.	Semua Guru Besar dan Pengetua	Februari 2004
4	Memberi penerangan/taklimat kepada guru-guru masing-masing mengenai konsep dan Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep dan matlamat</li> <li>• Jenis-jenis Kegiatan Khas yang dicadangkan Perancangan dan pelaksanaan.</li> <li>• Kegiatan Khas Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan.</li> <li>• Penyeliaan rancangan.</li> <li>• Pelaporan rancangan.</li> </ul>	Semua Guru Besar dan Pengetua	Februari 2004
5	Memberi penerangan/taklimat kepada guru-guru masing-masing mengenai konsep dan Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep dan matlamat</li> <li>• Jenis-jenis Kegiatan Khas yang dicadangkan Perancangan dan pelaksanaan.</li> <li>• Kegiatan Khas Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan.</li> <li>• Penyeliaan rancangan.</li> <li>• Pelaporan rancangan.</li> </ul>	Semua Guru Besar dan Pengetua	Mac 2004.
6	Memberi penerangan/taklimat kepada PIBG, Lembaga Pengurus Sekolah dan masyarakat setempat mengenai Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep dan matlamat.</li> <li>• Jenis-jenis Kegiatan Khas yang dicadangkan Perancangan dan pelaksanaan.</li> <li>• Kegiatan Khas Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan.</li> <li>• Penyeliaan rancangan.</li> <li>• Pelaporan rancangan.</li> </ul>	Semua Guru Besar dan Pengetua	Mac 2004.

BIL	PROSES KERJA	TINDAKAN	TARIKH
7	<p>Menghubungi Guru-Guru Besar Sekolah-Sekolah yang terlibat dalam Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan.</p> <p>Sekolah-sekolah yang terlibat terdiri daripada sekolah-sekolah berkenaan yang berhampiran dan membolehkan rancangan ini berjalan dengan berkesan.</p>	Unit Hal Ehwal Pelajar, Bahagian sekolah.	Mac 2004
8	<p>Mengadakan mesyuarat antara sekolah-sekolah yang terlibat dan menubuhkan Jawatankuasa Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelantikan pemegang-pemegang jawatan.</li> <li>• Menentukan kekerapan mesyuarat.</li> <li>• Mengenalpasti kemudahan yang ada dan jenis-jenis Kegiatan-Kegiatan Khas yang sesuai untuk dijalankan bersama.</li> <li>• Mengenalpasti tenaga pengajar/pakar yang ada / boleh didapati.</li> <li>• Cara-cara bagaimana rancangan dijalankan termasuk penjadualan dan pengelompokan pelajar-pelajar mengikut Kegiatan-Kegiatan Khas yang dirancang.</li> <li>• Cara-cara menyelia rancangan.</li> </ul>	Guru-Guru Besar, PIBG, Lembaga Pengurus Sekolah, Guru-Guru Penolong Kanan Kokurikulum dan Guru-Guru dari sekolah-sekolah yang terlibat.	Mac 2004
9	Meneliti rancangan untuk dilaksanakan dan untuk dibuat pengesanan oleh semua pihak yang berkenaan.	JPN, PPD, Pengetua dan Guru Besar.	April 2004
10	Rancangan diteruskan.	JPN, PPD, Pengetua dan Guru Besar.	April 2004
11	<p>Menyediakan laporan Jawatankuasa Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menentukan penyelia-penyelia bagi kegiatan-kegiatan tertentu.</li> <li>• Memastikan rancangan berjalan mengikut jadual.</li> <li>• Mengatasi masalah-masalah yang timbul.</li> </ul>	JPN, PPD, Pengetua dan Guru Besar.	Sepanjang Tahun.
12	Rancangan diteruskan.	JPN, PPD, Pengetua dan Guru Besar.	Sepanjang Tahun.

BIL	PROSES KERJA	TINDAKAN	TARIKH
13	Menyediakan laporan Jawatankuasa Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bulanan.</li> <li>• Penggal.</li> <li>• Tahunan.</li> <li>• Laporan umum.</li> <li>• Laporan kewangan.</li> </ul>	Setiausaha	Sepanjang Tahun.
14	Menyampaikan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan kepada pihak-pihak yang berkenaan.	Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.	Sepanjang Tahun.

# 关于完善学生交融团结计划的一般指南（中译本）

（教育部学校组2004年1月15日发出）

## 1. 概念

学生交融团结计划鼓励学生合作参与：

### 1.1 邻近的三个源流小学，即国小、华小和淡小在以下方面的联合活动

- 特定的活动
- 共用学校器材与设备
- 共用现有的人力物力、经验及专门知识。

### 2.1 国民中学与国民型中学在以下方面的联合活动

- 特定的活动
- 共用学校器材与设备
- 共用现有的人力物力、经验及专门知识。

### 2.1 同一所小学或中学的学生之间的活动，如果附近没有其他源流的小学或中学。

## 2. 计划宗旨

这项计划旨在鼓励：

- 2.1 有关三个源流学校的师生共同参与上述特定活动；
- 2.2 有关三个源流学校学生有计划及自觉的交往、了解、合作、互相亲善及容忍精神；
- 2.3 有关三个源流学校共同使用器材与设备来进行上述特定活动。

## 3. 成立委员会

建议成立以下委员会。

### 2.1 州级学生交融团结委员会

此委员会必须由州教育局长担任主席。他的一些职责就是规划及追踪在州级、县级和校级交融项目和活动的执行。

### 2.2 县级学生交融团结委员会

此委员会必须由县教育官员担任主席。他的一些职责就是规划及追踪在县级和校级交融项目和活动的执行。

### 2.3 校级学生交融团结委员会

此委员会必须由校长担任主席。他的一些职责就是规划及追踪在有关参与学校的校级交融项目和活动的执行。

## 4. 权力与限制

- 4.1 学生交融团结计划委员会的一切活动必须符合学生交融团结计划的宗旨。
- 4.2 学生交融团结计划委员会不得以任何形式涉及学生交融团结计划三源流学校的宗教、学术、媒介语、课程及行政方面。
- 4.3 一切涉及联合特定活动，共用学校的设备和器材、人力、经验与专门知识的分享等决定，在做出之前必须经过三校基于协商的精神及自愿的原则取得一致同意，不可损害到任何学校的行政权。



4.4 在执行一切特定活动以达致学生交融团结计划的宗旨时，合作精神、亲善团结、容忍、协商及互相谅解必须成为推行该计划的主要基础。

## 5. 特定活动

建议考虑以下列特定活动来实施学生交融团结计划：

- 5.1 多人参与的活动如：越野赛跑、徒步竞走、足球、英式女子篮球、篮球及其他类似活动
- 5.2 游戏比赛
- 5.3 露营（制服团体、俱乐部和学会）
- 5.4 社会服务形式的特定活动如清洁校园和美化校园的互助活动。

## 6. 监督与追踪

- 6.1 必须委任一位 pegawai meja 以协调监督和追踪此计划。
- 6.2 各级学生交融团结计划委员会必须不时监督和追踪已经同意并正在执行中的学生交融团结计划特定活动。
- 6.3 州委员会必须准备好供追踪用的特定格式。

## 7. 实施进度表

序	实施过程	行动	日期
1	向州教育局官员汇报学生交融团结计划的概念。	学校组学生 事务单位	2004年2月28 及29日
2	向州教育局官员、县教育局官员以及校长汇报学生交融团结计划的概念。	州教育局	2004年2月
3	举行工作营后接纳 <b>Garis Panduan Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan</b> 。	所有校长	2004年2月
4	向教师汇报学生交融团结计划的概念 • 概念及目的 • 建议规划和实施的特定活动种类 • 学生交融团结计划的特定活动 • 计划的监督 • 计划的报告	所有校长	2004年2月
5	向学生汇报学生交融团结计划的概念。 • 概念及目的。 • 建议规划和实施的特定活动种类。 • 学生交融团结计划的特定活动。 • 计划的监督。 • 计划的报告。	所有校长	2004年3月
6	向家教协会、董事会及当地社群汇报学生交融团结计划的概念。 • 概念及目的。 • 建议规划和实施的特定活动种类。	所有校长	2004年3月



序	实施过程	行动	日期
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 学生交融团结计划的特定活动。</li> <li>• 计划的监督。</li> <li>• 计划的报告。</li> </ul>		
7	联络参与学生交融团结计划的学校校长。参与学校是邻近并能使计划有效进行的学校。	所有校长	2004年3月
8	参与学校举行联席会议以及成立学生交融团结计划委员会。 <ul style="list-style-type: none"> <li>• 选举委员会成员。</li> <li>• 决定开会频率。</li> <li>• 鉴定既有器材设备以及适合共同进行的特定活动种类。</li> <li>• 鉴定既有或找得到的教学或专门人力。</li> <li>• 计划进行的方式，包括时间安排以及根据所规划的特定活动将学生分组。</li> <li>• 监督计划的方式。</li> </ul>	参与学校之校长、家教协会、董事会、教师、联课活动主任以及教师	2004年3月
9	鉴定要实施的项目，以便各有关方面追踪。	州教育局、县教育局、校长	2004年4月
10	继续推行计划。	州教育局、县教育局、校长	2004年4月
11	举行先前定下的后续会议以及监督学生交融团结计划委员会的执行情况。 <ul style="list-style-type: none"> <li>• 确定某些活动的监督员。</li> <li>• 确保计划按进度表进行。</li> <li>• 解决出现的问题。</li> </ul>	州教育局、县教育局、校长	整年
12	继续推行计划	州教育局、县教育局、校长	整年
13	提供学生交融团结计划委员会报告。 <ul style="list-style-type: none"> <li>• 按月</li> <li>• 按学期</li> <li>• 按年份</li> <li>• 一般报告</li> <li>• 财务报告</li> </ul>	秘书	整年
14	向有关方面提呈年度报告及财政报告	主席、秘书及财政	整年